

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 JUN 2016 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	CyberSecurity bantu kes pedofilia	Harian Metro
2.	Tiada laporan polis kes pedofilia	Berita Harian
3.	MOSTI kerah pakar forensik siber bantu siasat kes pedofil, Richard Huckle	Astro Awani
4.	Ministry ready to help in paedophile probe	Malay Mail
5.	'CyberSecurity lab can offer its expertise'	New Straits Times
6.	Police: It's a crime to publicly identify Huckle's victims	The Star
7.	MOSTI pledges to aid local authorities' investigation into Huckle	The Sun
8.	30 peratus tayar celup dalam pasaran tak berkualiti	Berita Harian
9.	Pengeluar ada maklumat kilang haram diminta lapor	Berita Harian

CyberSecurity bantu kes pedofilia

Putrajaya: CyberSecurity Malaysia (CyberSecurity) akan menyediakan kepakaran teknikal berkaitan keselamatan siber terutama dalam bidang forensik bagi membantu siasatan kes pedofilia yang melibatkan warga British Richard Huckle, serta kes seumpamanya pada masa depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata, CyberSecurity adalah agensi pakar keselamatan siber negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang forensik digital.

Katanya, kemudahan makmal digitalnya dilengkapi peralatan dan perisian forensik digital terkini serta diiktiraf di bawah Bukti Multimedia dan Digital (Digital & Multimedia Evidence)

berdasarkan standard ISO/IEC 17025:2005.

Malah, katanya ia turut mendapat pengiktirafan dari American Society of Crime Laboratory Directors/Laboratory Accreditation Board (ASCLD/LAB).

"Kami memandang serius kes ini dan kementerian melalui CyberSecurity bersedia membantu pihak berkuasa tempatan dan luar negara untuk menjalankan siasatan kes ini," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, orang ramai boleh menyalurkan sebarang laporan mengenai insiden dan ancaman keselamatan siber ke CyberSecurity melalui Pusat Bantuan Cyber 999 menerusi e-mel cyber999@cybersecurity.my atau 1300-88-2999.

Tiada laporan polis kes pedofilia

➔ Malu dipercayai punca keluarga mangsa tak buat aduan

Oleh Magendran Rajagopal dan Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa pedofilia warga Britain, Richard Huckle, dipercayai enggan membuat laporan polis kerana malu dengan kejadian berkenaan.

Sehingga lewat petang semalam, polis tiada menerima laporan daripada mangsa atau ahli keluarga mereka berhubung serangan seksual dilakukan Huckle sepanjang berada di negara ini sejak 2006 hingga 2014.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh, berkata pihaknya menyediakan proses kaunseling khusus untuk kanak-kanak terbahit jika tampil membuat laporan.

"Mungkin mereka enggan tampil membuat laporan kerana malu dengan apa yang berlaku ke atas ahli keluarga mereka.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) berharap semua pihak menghormati hak dan privasi mangsa serta keluarga terbahit," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Orang ramai yang mempunyai maklumat atau ingin membuat laporan polis boleh menghubungi Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman di talian 03-22666297.

Penjara seumur hidup

Kelmarin, Huckle, 30, dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dengan tempoh minimum 25 tahun di United Kingdom atas kesalahan melakukan serangan seksual terhadap kanak-kanak di negara ini.

Di Putrajaya, pakar keselamatan siber negara, **Cybersecurity**



PDRM harap semua pihak menghormati hak dan privasi mangsa serta keluarga terbahit"

Mohamad Salleh,
Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman

Malaysia (**Cybersecurity**) sedia membantu pihak berkuasa negara dan asing dalam siasatan kes pedofilia membabitkan Huckle.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, berkata Cybersecurity memiliki kepakaran dalam bidang forensik digital, lengkap dengan kemudahan makmal terkini.

"Keupayaan Cybersecurity diiktiraf sebagai 'Bukti Digital dan Multimedia' berdasarkan piawaian ISO/IEC 17025:2005 dan pengiktirafan American Society of Crime Lab Directors/Lab Accreditation Board (ASCLD/LAB).

"Juruanalisis Forensik Digital di Cybersecurity turut diwartakan dalam Kanun Tatacara Jenayah Malaysia 399 (CPC 399) sebagai golongan pakar dan keterangan mereka diterima pakai dalam perbicaraan di semua mahkamah di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, semalam.



MOSTI kerah pakar forensik siber bantu siasat kes pedofil, Richard Huckle



MADIUS: Malaysia bersedia untuk membantu pihak berkuasa tempatan dan luar negara dalam melaksanakan penyiasatan.

KUALA LUMPUR: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengerah pakar forensik siber dari CyberSecurity Malaysia untuk membantu siasatan kes serangan seksual ke atas kanak-kanak susulan kes pedofilia warga Britain, Richard Huckle.

Menurut Menteri, Datuk Seri Madius Tangau, CyberSecurity Malaysia bersedia untuk membantu pihak berkuasa tempatan dan luar negara dalam melaksanakan penyiasatan berhubung kes berkenaan.

"Kami memandang serius kes tersebut dan akan menyediakan kepakaran teknikal berkaitan keselamatan siber terutama dalam bidang forensik siber yang disediakan oleh CyberSecurity Malaysia bagi membantu pihak berkuasa menjalankan siasatan berhubung kes ini serta kes-kes yang seumpamanya di masa hadapan," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Tambah Madius, CyberSecurity Malaysia mempunyai kepakaran dalam bidang forensik digital, di mana kemudahan makmal forensik digital dilengkapi dengan peralatan dan perisian terkini.

"Laporan dan testimonial dari Juruanalisa Forensik Digital CyberSecurity Malaysia diterima pakai di dalam perbicaraan di semua Mahkamah Undang-undang di Malaysia," ujarnya.

Pada masa yang sama, MOSTI terus memperhebat usaha untuk memperkasakan pemahaman orang ramai mengenai kepentingan keselamatan siber serta penggunaan internet dan komputer secara positif serta beretika.

"Ini termasuklah memperhebatkan lagi program-program keselamatan siber yang sedia ada iaitu Program CyberSAFE in Schools terutama dalam kalangan murid-murid sekolah di seluruh negara," katanya Madius.

Isnin lalu, pesalah pedofilia, Richard Huckle dijatuhi hukuman penjara seumur hidup selepas didapati bersalah terhadap 71 pertuduhan berkaitan penderaan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia.

Huckle, 30, mengaku mendera kesemua mangsa yang berusia antara enam bulan hingga 12 tahun serta memuatnaik rakaman video dan gambar ke laman sesawang tertentu.

